


PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 12 RABU 22 MACH, 1967. رابو 10 ذوالحجه 1386 PERCHUMA

Pengarah D.B.P. Brunei Berharap Penerbitan Buku Ilmu Alam Brunei akan Berjaya



Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman bin Bidin kelihatan sedang berucap di-Majlis Merasmikan Latehan Guru2 Pelatih Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei di-M.P.M.B. pada hari Khamis 16 Mach, 1967.

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil telah menekankan bahawa ra'ayat negeri ini adalah sentiasa memberikan kerjasama yang erat atas projek2 kebajikan yang telah di-jalankan oleh Kerajaan, bagi kepentingan bangsa dan negara.

Berucap menerusi Radio Brunei mengenai buku Ilmu Alam Brunei yang sedang diusahakan sekarang ini, Dato Paduka Awang Haji Jamil berkata bahawa semangat yang demikian ada-lah mendorong bagi melichinkan penerbitan buku yang menchatatkan alam keliling Brunei dan penghidupan penduduk2-nya.

Beliau menguchapkan satinggi2 terima kasih kepada penuntut2 Universiti Malaya yang sedang bertugas menjalankan pengkajian dari kampung ka-kampung di-seluruh negeri dengan tidak mengira penat dan lelah, semata2 kerana mengumpulakan bahan2 yang akan di-muat ka-dalam buku tersebut.

Kata-nya, Ilmu Alam bukanlah di-artikan dengan mengenal alam sa-chara sempit sahaja, bahkan segala apa yang bersangkutan paut dengan alam hendak-lah di-ketahui dengan sa-jelas2-nya termasuk penghidupan penduduk2.

Mengenai kemungkinan adanya sangkaan2 yang kurang baik mengenai soalan2 yang

di-ajukan kepada penduduk2 negeri ini oleh mahasiswa2 yang menjalankan pengkajian itu, beliau menjelaskan bahawa soalan2 saperti itu ada-lah biasa di-jalankan oleh penyelidik2 Ilmu Alam di-mana2 pun.

Tetapi jelas beliau, di-sebabkan perkara ini baru saja di-lakukan di-Brunei, maka terasa-lah kepada kita akan keganjilan-nya.

Beliau berharap semoga penerbitan buku itu akan berjaya dan dapat di-nikmati ra'ayat sa-bagai pengetahuan yang dikehendaki untuk pembanaan bangsa dan tanah ayer.

PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN MADRASAH

BANDAR BRUNEI.— Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan merasmikan pembukaan Bangunan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Uagama, Negeri Brunei di-Bandar Brunei pada pagi hari Selasa 28 Mach, 1967.

Para jemputan khas ada-lah di-persilakan ka-Bangunan Madrasah pada jam 9.30 pagi hari tersebut.

Majlis itu akan di-mu'ai dengan Bacha'an Al-Qur'anul Karim.

Kemudian Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama Negeri Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin akan memberi ucapan.

Sa-lepas itu Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof akan di-jemput untuk memberi ucapan dan seterusnya merasmikan pembukaan Bangunan Madrasah.

Sa-baik sahaja selesai acara tersebut, Yang Di-Muliakan Pehin Udana Khatib Awang Tamin akan membacha Do'a Selamat.

Majlis itu di-teruskan dengan Persembahan Nashid "Maju Jaya Madrasah Kita" dan akan di-akhiri dengan Jamuan ringan.



Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking (duduk bilangan ke-empat dari kiri di-barisan hadapan) telah merasmikan Latehan Guru2 Pelatih Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Perguruan Melayu Brunei pada 16 Mach, 1967. Dalam gambar ini kelihatan di-antara para hadhirin di-Majlis tersebut.

Penolong Menteri Pelajaran Merasmikan Latehan Guru2 Pelateh Di-M.P.M.B.

BERAKAS. — Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking telah Merasmikan Latehan Guru2 Pelateh Melayu di-Dewan Maktab Perguruan Melayu Brunei pada petang hari Khamis 16 Mach, 1967.

Seramai 115 orang Guru2 Pelateh yang mengajar di-Sekolah2 Melayu dari seluruh negara akan menghadiri latehan itu selama dua tahun. Mereka akan mengajar di-sekolah masing2 pada sa-belah pagi dan berlateh di-Maktab Perguruan Melayu Brunei pada sa-belah petang.

Sa-belum Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan di-jemput untuk beruchap dan merasmikan latehan tersebut, Penolong Penguasa Pelajaran Melayu Brunei, Awang Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof telah beruchap bagi pehak Penguasa Pelajaran Melayu Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latif yang telah tidak dapat hadir di-majlis itu oleh kerana sesuatu sebab yang tidak dapat di-elakkan. Satu lagi ucapan telah di-lafadzkan oleh Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman bin Bidin.

Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan berkata pada masa beruchap di-majlis tersebut, bahawa beliau di-beri tahu Guru2 Pelateh itu semua-nya datang dari seluruh pelusok Negeri Brunei.

Beliau berharap semua mereka akan berada dalam riang gembira menghadapi masa baru mereka sa-bagai "Penuntut2 sambil belajar".

Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan berkata: "Ranchangan yang di-mulai hari ini ia-lah suatu ranchangan baru untuk mengatasi kekurangan Guru Terlateh dengan segera.

Masa ini Sekolah2 Negeri Brunei ada-lah mempunyai keramaian Guru2 yang menchukopi dengan ramai murid Darjah Rendah. Tetapi dalam seramai itu-sa-bilangan besar-nya ia-lah Guru2 Pelateh.

Sejak lebeh 40 tahun dahulu, sudah teradat kita melantek murid2 yang lulus Darjah Rendah yang sa-habis tinggi masa itu (Darjah V, Darjah VI dan akhir ini Darjah VII dan VIII) menjadi Guru Pelateh sampai sekarang kita ada mempunyai 300 orang lebeh guru seumpama itu.

Maka dengan ada-nya ranchangan baru hari ini "ADAT" itu telah hapus. Sekarang tujuan kita ia-lah menghapuskan

Guru2 Pelateh dan menjadikan Guru Terlateh dengan sa-bberapa segera yang boleh".

Selanjut-nya beliau berkata: "Latehan dua tahun ini di-jalankan sambil Guru2 itu mengajar sa-belah pagi. Saya rasa dalam tahun 1971, jika tiada ada apa2 halangan, akan habislah Guru2 Pelateh itu menjadi Guru Terlateh dengan chara hari ini.

Latehan ini di-jalankan tiga Peringkat, ia-itu Tahun ini di-masokkan 115 orang dan tahun hadapan masok 130 orang dan tahun 1969 penghabisan masok 166 orang. Giliran masok ia-lah mengikut tahun lantekan mereka.

Selain daripada kemasokan ka-Maktab chara ini ada lagi suatu chara kemasokan baru, ia-itu biasa-nya masok ka-Maktab ini ada di-adakan Peperiksaan Guru2 Pelateh yang sudah mengajar satu tahun lebeh, tetapi tahun ini juga kita hapuskan "chara itu". Gantinya ia-lah di-tawarkan kepada murid2 Sekolah Menengah Melayu Pertama yang lulus Sijil Rendah Pelajaran. Dan tahun ini juga pertama kali kita menerima murid2 yang lulus Sijil Rendah Pelajaran, ia-itu suatu hasil pertama S.M.M.P. Di-antara 71 orang murid SMMP yang lulus dalam peperiksaan kali pertama Sijil Rendah Pelajaran, maka 14 orang telah diterima menjadi Penuntut Perguruan. Mereka menuntut selama 3 tahun bersama dengan Penuntut2 yang berkelulusan L.C.E.

Dengan ranchangan ini saya yakin kita akan mempunyai tambahan tidak kurang 500 orang guru terlateh, di-kira chukup-lah untuk menghadapi 25,000 orang murid2 Sekolah Rendah yang di-jangka akan jadi pada tahun 1971. Masa ini ada 17,537 orang murid2 dan guru-nya 795 orang (50%) terlateh di-Sekolah2 Rendah (Melayu).

Beliau berkata lagi, kegiatan Jabatan Pelajaran pada menghadapi kesedaran Ibu Bapa pada pelajaran anak2-nya boleh di-tengok kepada terbangun beberapa buah Sekolah Kekal awal tahun ini saperti, Sekolah Sg. Besar, Subok, Labu Estate, Pular Ulak dan beberapa tambahan membesarkan sekolah telah pun di-buat pada sekolah sa-panjang Jalan Tutong, Muara, Belait sa-perti yang dapat tuan2 saksikan waktu melalui-nya bukan saja di-bandar bahkan di-ulu pun telah didirikan. Umpama-nya di-Amo sa-buah sekolah tempat yang jauh dudok di-ulu sudah di-mulai bangunan sekolah kekal.

Di-samping kita melateh guru2 untok sekolah rendah, latehan untok bakal Guru2 Sekolah Menengah telah pun di-mulai sejak 2 tahun dahulu, ia-itu murid2 yang lulus School Certificate atau sakurang2-nya G.C.E. telah pun ada untok persediaan menghadapi Sekolah Menengah S.O.A.S.

Ingin juga saya memasokkan dalam ucapan ini ia-itu awal tahun ini Jabatan Pelajaran telah memasokkan 1,000 orang kanak2 dari sekolah rendah ka-sekolah Inggeris Kerajaan di-tiga buah Maktab ia-itu S.O.A.S., A.A.C. dan S.T.P.R.I. dan di-Tutong telah pun di-tubuhkan sa-buah chawangan A.A.C. di-Sekolah Melayu Muda Hashim.

Akhir-nya Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan telah berseru kepada Guru2 Pelateh yang menghadiri latehan tersebut supaya dapat-lah mereka memperoleh hasil2 yang menunjukkan diri mereka sendiri khas-nya dan kemajuan negara dan bangsa 'am-nya.

Beliau telah menguchapkan terima kaseh kepada Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman bin Bidin dan Pendarah2 sekalian yang akan bertanggung jawab memikul bebanan yang berat ini, serta juga menguchapkan terima kaseh kepada Guru2 Besar sekolah yang bersangkutan dan kepada Pegawai2 di-Jabatan Pelajaran kerana urusan2 mereka.

Majlis itu di-akhiri dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Ustaz Abdul Kadir bin Haji Talib.

Sa-lepas jamuan teh, Penolong Menteri Pelajaran telah bergambar ramai dengan Pengetua M.P.M.B.; Pendarah2 dan para jemputan khas serta penuntut2 tersebut.

MENINGGAL DUNIA DI-MEKAH

BANDAR BRUNEI. — Dengan sedeh-nya di-ma'alomkan untok pengetahuan orang ramai bahawa Awang Assim bin Munakip, berusia 66 tahun dari Kampong Burong Pingai, Brunei telah kembali ka-rahmatullah Ta'ala di-Mekah pada 12 Mach, 1967. Demikian menurut satu berita dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Allah yarham Awang Assim telah berangkat ka-Tanah Suchi bersama2 dengan bakal2 Haji dari Negeri Brunei dengan menaiki kapal laut pada tahun ini.

Jadual Lawatan "Doktor Penerbangan"

BANDAR BRUNEI — Jadual lawatan Rombongan Doktor yang menggunakan pesawat helikopter ka-Daerah2 Tutong dan Temburong dalam bulan ini ada-lah saperti berikut:

Hari Sabtu 25 Mach jam 8-00 pagi — Ukong dan Rambai di-Daerah Tutong.

Hari Isnin 27 Mach jam 8-00 pagi — Batu Apoi dan Nagalang Unat di-Daerah Temburong.

Rombongan J.K.M. Melawat Piasau2

BANDAR BRUNEI. — Rombongan Jabatan Kebajikan Masyarakat Brunei akan melawat ka-Balai Raya Piasau2, Daerah Temburong pada jam 2-00 petang hari Khamis 30 Mach, 1967.

Ketua Kampong tersebut ada-lah di-minta supaya mengumpolkan anak2 buah-nya ka-tempat tersebut pada waktu yang di-tetapkan.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22 Mach, 1967 hingga ka-hari Selasa 28 Mach, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
22 Mach	1232	3-50	6-35	7-46	4-54	509	6-23	
23 Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23	
24 Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23	
25 Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23	
26 Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	
27 Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	
28 Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PAKAR² HAIWAN BANGSA² BERSATU PUJI RANCHANGAN² HAIWAN DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Doktor R. Cockrill dan Doktor R. B. Griffiths, dua orang Doktor Haiwan dari Pertubohan Pertanian dan Permakanan Bangsa² Bersatu (F.A.O.) telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama lima hari baru² ini dalam bidang lawatan mereka ka-beberapa buah negara di-Tenggara Asia.

Pakar² Haiwan itu berkata dalam satu pertemuan bahawa mereka tertarik hati dengan ranchangan² yang di-susun oleh Pegawai Haiwan, Jabatan Pertanian Negeri Brunei untuk memajukan penternakan di-Negeri Brunei.

Ranchangan² tersebut amatlah sesuai, kata mereka, kerana jika ranchangan² itu di-laksanakan dengan segera maka ia akan dapat memberikan faedah yang besar kepada negeri ini.

Sa-lain dari itu, pakar² haiwan tersebut telah memuji terhadap kerja² baik yang di-berikan oleh Jabatan Pertanian Negeri Brunei berhubung dengan hal ehwal kehaiwanan di-negeri ini.

Dalam pertemuan tersebut, mereka berpendapat bahawa Brunei bernasib baik sebab wabak penyakit² haiwan tidak menyerang binatang² ternakan di-negeri ini seperti yang biasa berlaku di-lain² negeri.

Perkara sa-demikian, tegas mereka, ia-lah kerana penchehagan yang di-jalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri Brunei amatlah baik.

Doktor Cockrill, sa-orang pakar dalam ilmu Kaji Kerbau berkata bahawa tujuan besar lawatan pakar² haiwan itu ka-Wilayah² Borneo ia-lah untuk mengkaji chara penternakan kerbau, serta menemui Pegawai² Haiwan tempatan untuk mengetahui perkara sa-demikian dengan sa-lanjut-nya.

Pertubohan Pertanian dan Permakanan Bangsa² Bersatu, tegas mereka akan memberi bantuan² teknik pada bila² masa yang di-kehendaki oleh Jabatan Pertanian Negeri Brunei.



Doktor R. Cockrill (kiri) dan Doktor R.B. Griffiths (kanan) bergambar dengan Pegawai Haiwan Negeri Brunei, Doktor C.V. Subramaniam (tengah) pada masa lawatan Doktor² Haiwan itu ka-Negeri Brunei baru² ini.

KURSUS PENGAKAP

BANDAR BRUNEI. — Satu Kursus Permulaan Wood Badge (P.T.C.) kali yang kedua akan di-adakan di-Pasir Jerudong sa-lama tiga hari mulai pada 23 hingga 25 Mach, 1967.

Kursus tersebut akan di-pimpin oleh Pemimpin² Pengakap yang berpengalaman dalam hal ehwal Pengakap. Di-antara Pemimpin² Pengakap itu ia-lah Pengiran Tajuddin bin Pgn. Ahmad, Awang Yahya bin Mohd. Yusof, Che'gu Metamit bin Iradat, Awang Salleh bin Ibrahim, Awang Shahrani bin Awang Othman, Awang Hassan bin Awang Timbang dan Awg. Yussuf b. Abdul Hamid.

SERUAN P.J.P. AWANG BURNS KAPADA REKRUT² POLIS YANG TELAH TAMAT BERLATEH

BANDAR BRUNEI. — Satu Perbarisan Tamat Latehan saramai 39 orang rekrut² baru Polis Di-Raja Brunei telah di-adakan di-kawasan Ibu Pejabat Polis Di-Raja Brunei pada pagi hari Khamis 16 Mach, 1967.

Rekrut² tersebut telah tamat berlateh selama sembilan bulan di-Pusat Latehan Polis Di-Raja Malaysia di-Kuala Lumpur. Mereka telah tiba di-Brunei dengan kapal laut pada 15 Mach, 1967.

Perbarisan tersebut telah di-pereksa oleh Pesuruh Jaya Polis Di-Raja Brunei, Awang J. R. H. Burns.

Pada masa memberi ucapan di-upachara Perbarisan tersebut, Awang Burns telah meng-ucapkan Selamat Kembali ka-Brunei kepada rekrut² itu.

Dalam ucapan beliau, Awg. Burns berkata bahawa apa yang mereka telah mempelajari di-Kuala Lumpur itu hanya-lah bagi permulaan sahaja.

"Pada masa hadapan, kamu akan mempelajari lebeh banyak lagi — terutama-nya dalam menjalankan tugas² kamu,

yang mana ada-lah berlainan dari mempelajari dari buku². Jika kamu tidak tahu akan jawapan satu² masa'alah hendak-lah kamu selalu meminta nasehat daripada mereka yang kanan dari kamu.

Sa-saorang yang selalu-nya tidak mencari pengetahuan maka dia tidak akan dapat menyelamatkan satu² tugas biasa dan dari itu, dia tidak akan dapat sesuaikan pekerjaan-nya sa-hari² dengan sempurna", kata beliau.

TATA TERTIB

Awang Burns menegaskan bahawa di-dalam Depot Peratoran Tata Tertib ada-lah di-jalankan dengan di-awasi ketat.

"Kamu ada-lah satu Pasokan yang besar. Apabila kamu menjalankan tugas kamu dalam Kawasan Balai Polis kamu di-Brunei, kamu biasa-nya akan menjalankan tugas kamu dengan tidak di-awasi oleh Ketua kamu. Ini berma'ana kamu mesti-lah menaruh amanah. Kamu mesti-lah menjalankan tugas kamu dengan chukop baik dengan tidak mengirakan

yang adakah kamu dalam perhatian atau tidak.

Keperchayaan besar ada-lah di-serahkan kepada kamu. Jangan-lah kamu pechahkan keperchayaan ini. Tugas² kita ada-lah sangat penting sebab-nya di-tangan kita sebahagian besar terserah keselamatan jiwa dan harta penduduk negeri ini.

Kekutoran atau kekurangan chergas dalam menjalankan tugas biadap atau kurang supan santon dan kegagalan dalam menjalankan tugas akan tentu di-nampak oleh orang² ramai siapa yang sentiasa memerhatikan kamu. Jangan beri nama Pasokan Polis ini busok.

Hendak-lah kamu selalu jujur dan amanah, jangan salah gunakan kekuasaan kamu, tepat tetapi berbudi bahasa, jangan sa-kali kamu hilang fikiran, beri pertolongan di-masa kamu boleh dan jaga dengan teliti pada yang maseh kechil dan mereka yang tua." tegas Awang Burns.

Akhir-nya Awang Burns ber-seru kepada rekrut² Polis yang telah tamat berlateh itu supaya mereka jaga "perkara pilih kaseh."

Jangan di-biarkan perkara persaudaraan, kekayaan, darjah mertabat, bangsa atau ugama mempengaruhi tugas kamu yang sa-benar-nya", kata beliau lagi.

Awang Burns kemudian-nya mengucapkan Selamat Maju Jaya bagi menjalankan tugas mereka pada masa hadapan.

Beliau juga telah meng-ucapkan tahniah kepada P.C. 555 Sulong dan P.C. 631 Zainal Abidin atas kejayaan mereka sa-masa berlateh di-Pusat Latehan Polis Di-Raja Malaysia di-Kuala Lumpur baru² ini.

MENGHADHIRI KURSUS PERTANIAN DI-AMERIKA

BERAKAS. — Awang Kassim bin Ahmad, sa-orang Pembantu Pertanian Rendah di-Pejabat Pertanian Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Amerika Sharikat pada petang hari Isnin 20 Mach, 1967 untuk menjalani satu Kursus dalam Hal Ehwal Pemeliharaan Pokok di-sana sa-lama tiga bulan.

Kursus tersebut akan di-adakan di-Pusat Latehan Kerantin

Pokok U.S.E.A., New York.

Menurut Pemangku Pegawai Pertanian Negara, Awg. Abdul Hamid bin Ja'afar, selain daripada menghadhiri kursus tersebut, Awg. Kassim akan juga melawat ka-beberapa tempat di-Amerika Sharikat untuk berlateh sa-chara praktikal.


Awang Kassim telah pernah berlateh di-Maktab Pertanian Serdang, Malaysia.

Gambar2



Gambar2 yang di-siarkan di-
kedua2 muka ini di-ambil di-
upachara Perbarisan Tamat
Latehan Rekrut2 Polis Di-
Raja Brunei pada pagi hari
Khamis 16 Mach, 1967.
GAMBAR ATAS SA-BELAH KIRI
DAN KANAN: Pesurohjaya
Polis Di-Raja Brunei, Awg.
J. R. H. Burns kelihatan sed-
ang memeriksa perbarisan

tersebut.
GAMBAR ATAS
Pesurohjaya
Brunei, Awg.
kelihatan se-
di-Perbarisan
an Rekrut2
GAMBAR BA-
KIRI: Satu
Rekrut2 Pol-
nei yang tela



PESURO
Di-Raja
J. R. H.
memerek
Tamat L
39 orang
Di-Raja
lah tama
sembilan
di-kawas
Polis D
Brunei
Khamis

Awang
lah meny
pan nase
kapada r
tamat be
pan belia
kan di-m
nei kela

Semen
an Pesur
Raja B
Dato Pa
lah men
tahun ya
ahli2 Pa
Raja Bru
tar merij
ia-lah da
yang ber

Kenang2an



ut.
AR ATAS DI-TENGAH:
urohjaya Polis Di-Raja
i, Awg. J. R. H. Burns
tan sedang beruchap
barisan Tamat Lateh-
krut2 Polis tersebut.

AR BAWAH SA-BELAH
Sawu pemandangan
t2 Polis Di-Raja Bru-
ng telah tamat berlateh

itu.
GAMBAR BAWAH SA-BELAH
KANAN: P.C. 555 Sulong bin
Bilgete yang telah berjaya
menyandang gelaran sa-ba-
gai Pelateh Polis yang ter-
baik sekali dalam Bahagian
Latehan Kawat dan Latehan
Senjata pada masa latehan
di-Kuala Lumpur, Malaysia
baru2 ini.



39 ORANG REKRUT2 POLIS DI-RAJA BRUNEI

UROHJAYA Polis
Raja Brunei, Awang
R. H. Burns telah
ereksa Perbarisan
at Latehan seramai
orang Pelateh2 Polis
Raja Brunei yang te-
amat berlateh selama
bulan bertempat
awasan Ibu Pejabat
s Di-Raja, Bandar
nei pada pagi hari
mis 16 Mach, 1967.

Awang Burns juga te-
menyampaikan ucha-
nasehat dan panduan
da rekrut2 yang telah
t berlateh itu. Ucha-
beliau ada-lah di-siar-
di-rnuka 3 Pelita Bru-
keluaran minggu ini.

mentara itu, Timbal-
esurohjaya Polis Di-
Brunei, Pengiran
o Pahlawan Jaya te-
menyatakan bahawa
n yang mula2 sa-kali
e Pasokan Polis Di-
a Brunei yang di-han-
merjalani latehan itu
h dalam tahun 1959
g berarti sudah lapan

TAMAT BERLATEH DI-MALAYSIA

tahun berturut2 satu demi
satu pasokan di-hantar
menjalani latehan serupa
itu.

Mereka yang di-hantar
itu hitong panjang ada-
lah mengandongi sa-ra-
mai 50 orang dalam tiap2
tahun yang berarti Brunei
telah mempunyai hampir2
500 orang kakitangan
Polis-nya yang chukup
terlateh.

Namun bagitu bilangan
ini tidak-lah berma'ana
sudah menchukupi, bah-
kan maseh memerlukan
belia2 supaya memasoki
lapanan itu.

Di-antara mereka yang
balek itu terdapat dua
orang yang telah men-
dapat kepujian dalam me-
nempoh berbagai2 lateh-
an yang di-jalani mereka

di-Pusat Latehan Polis
Di-Raja di-Kuala Lum-
pur.

Kepujian yang di-berikan
pada mereka itu bukan-lah di-
kalangan mereka sendiri, bah-
kan di-antara sa-ramai 147
orang yang menjalani latehan
di-pusat itu yang termasuk juga
dari Sabah dan Sarawak.

P.C. 555 Sulong bin Bilgete
dari Brunei telah di-umumkan
sa-bagai pelateh yang terbaik
sekali dalam bahagian latehan
kawat dan latehan senjata.
P.C. 631 Zainal Abidin bin
Serudin di-umumkan pelateh
yang terbaik dalam pelajaran
undang2 pulis.

Hadiah2 atas kecekapan
mereka itu telah di-sampaikan
oleh Duli Yang Maha Mulia
Sultan Pahang dalam satu
Upachara Tamat Latehan di-
Polis Depot Kuala Lumpur
dalam bulan Februari yang
lalu.

Kita harus merasa kagum
atas kejayaan mereka itu yang
telah menunjukkan kebolehan
yang mendapat penghargaan
yang mempunyai nilai2 yang
tinggi. Kejayaan dalam diri
sa-saorang itu memang ada chu-
ma sharat unok menchapai
kejayaan itu baik dalam apa
jurusan sa-kali pun ia-lah tekun
dan waspada tidak mengira
penat dan lelah.



Jawatan2 Kosong di-Pejabat Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

1. PENGETUA SEKOLAH UGAMA PEREMPUAN.

Gaji: Dalam sukatan gaji B.2/EB/3 - \$1020x40 - 1620/EB - 1670x30 - 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

- Kelayakan2 dan Pengalaman:**
- Umor di-antara 30 hingga 45 tahun.
 - Memegang Degree B.A. (Honours) atau yang setaraf dengan-nya dari mana2 Universiti Islam yang di-akui.
 - Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidekan tidak kurang dari lima tahun

Guru Sekolah Arab

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada orang ramai untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai guru Sekolah Arab di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Umor di-antara 30 hingga 45 tahun.
- Memegang Ijazah dari mana2 Universiti Islam yang di-akui atau pun pemegang Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya.
- Orang yang mempunyai Diploma Pendidekan adalah di-utamakan.
- Keutamaan ada-lah di-beri kepada orang2 yang berpengalaman dalam dunia pendidekan.

Gaji: Dalam sukatan gaji C.2 - \$600x30 - 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Kонтрек selama tiga tahun termasuk 6 bulan perchubaaan. Kontrek boleh di-baharu jika kedua2 belah pehak bersetuju.

Baksis: Baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar pada tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti kerja atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 31 Mach, 1967.

(d) Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

2. PENGETUA MAKTAB PERGURUAN.

Gaji: Dalam sukatan gaji B2 EB3 - \$1020x40 - 1620 EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Umor di-antra 30 hingga 45 tahun.
- Memegang Degree B.A. (Honours) atau setaraf dengan-nya dari mana2 Universiti Islam yang di-akui.
- Mempunyai pengalaman di-dalam dunia pendidekan tidak kurang dari lima tahun.
- Mempunyai pengalaman di-dalam pentadbiran persekolahan.

3. GURU SEKOLAH ARAB (PEREMPUAN).

Gaji: Dalam sukatan gaji C. 2 atau B. 2 EB 3 - \$600x30 -

900 atau \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Umor di-antara 25 hingga 45 tahun.
- Memegang Ijazah dari mana2 Universiti Islam yang di-akui atau pun memegang Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya.
- Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam dunia pendidekan dan mempunyai Diploma Pendidekan.


Sharat2 Lantekan: Bagi jawatan Pengetua Sekolah Ugama Perempuan dan Pengetua Maktab Perguruan, calon2 yang di-pilih akan di-ambil berkhidmat sa-chara berkонтрек sa-lama tiga tahun. Bagi jawatan Guru Sekolah Arab Perempuan, calon2 yang di-

pilih akan di-ambil berkhidmat sa-chara berkонтрек sa-lama tiga tahun termasuk masa enam bulan perchubaaan.

Baksis: Baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar pada tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti kerja atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 31 Mach, 1967.



Pesanan P.J.P. kepada Rekrut2 Polis yang Tamat Berlateh

PESUROHJAYA Polis Di-Raja Brunei, Awang J. R. H. Burns telah melafadzkan satu ucapan yang di-hargai pada masa beliau beruchap kepada seramai tiga puluh sembilan orang rekrut2 dari Pasukan Polis Di-Raja Brunei yang telah tamat berlateh selama sembilan bulan di-Malaya baru2 ini.

Awang Burns antara-nya berkata kepada rekrut2 tersebut bahawa kepercayaan besar ada-lah di-serahkan kepada mereka dan jangan-lah mereka pechahkan kepercayaan ini.

Bertambah2 pula, tegas Awang Burns, tugas2 kita ada-lah sangat penting kerana di-tangan kita sebahagian besar terserah keselamatan jiwa dan harta penduduk negara ini.

Pada masa lantekan rekrut2 tersebut di-luar negeri, Peratoran Tata Tertib di-jalankan dengan di-awasi ketat. Apabila mereka menjalankan tugas masing2 dalam Kawasan Balai Polis di-negeri ini, mereka biasa-nya akan menjalankan tugas mereka dengan tidak di-awasi oleh Ketua mereka, kata beliau.

Dengan hal yang sa-demikian, berm'ana-lah bahawa mereka mesti-lah beranayah dan menjalankan tugas mereka dengan chukop baik dengan tidak mengirakan sama ada mereka berada dalam perhatian atau tidak.

Awang Burns juga berpesan kepada rekrut2 yang telah tamat berlateh itu bahawa hendak-lah mereka selalu jujur dan amanah. Jangan-lah mereka salah gunakan kekuasaan mereka, tepat tapi berbudi bahasa, jangan sakali mereka hilang fikiran dan berikan pertolongan di-mana yang boleh serta jaga dengan teliti pada yang maseh kecil dan mereka yang tua.

Mudah2an ucapan yang di-lafadzkan di-upacara Perbarisan tersebut oleh Pesuruhjaya Polis Di-Raja Brunei, Awang J. R. H. Burns akan di-sanjong tinggi dan di-hargai oleh anggota2 Polis tersebut.

DERMA untuk Tabong Mangsa Banjir Malaysia Barat telah memperolehi sambutan yang baik daripada Pegawai2 Kerajaan; Ra'ayat dan Penduduk2 Negara; Kesatuan2 dan Persatuan2 tempatan; Shari-kat2 Perdagangan dan Perniagaan serta lain2-nya di-Negeri Brunei.

Baru2 ini satu upacara untuk menyampaikan derma tersebut dari Kesatuan Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei dan Persatuan India, Bandar Brunei telah di-adakan di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan di-Bandar Brunei.

Dalam gambar kiri kelihatan Yang Dipertua, Kesatuan Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei, Pengiran Mohiddin bin Pengiran Tajuddin menyampaikan Derma sa-banyak \$110.00 daripada Kesatuan tersebut kepada Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, selaku Setia Usaha, Jawatan Kuasa Tabong Derma Mangsa Banjir Malaysia Barat anjoran dari Ra'ayat dan Penduduk2 Negeri Brunei.

Dalam gambar kanan pula, Yang Berhormat Pengiran Damit kelihatan sedang menerima Derma sa-banyak \$101.00 daripada Persatuan India, Bandar Brunei yang di-sampaikan kepada beliau oleh Yang Dipertua, Persatuan India Bandar Brunei, Awang Mohinder Singh.

Perlawanan Rentas Desa Sekolah2 Rendah Melayu

Sa-Negeri Brunei

oleh:

Md. Husain Zainal

PERLAWANAN Rentas Desa antara Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei, dibawah kekolaan Jabatan Pelajaran Brunei Bahagian Pendidikan Jasmani yang telah dilangsungkan ada-lah saperti berikut:—

PADA 11 MACH, 1967: Perlawanan Pemilihan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III, bertempat di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei.

Sa-banyak 13 buah Sekolah telah menyertai perlawanan ia-itu terdiri dari 4 pasokan kumpulan Laki2 "A", 13 pasokan kumpulan Laki2 "B" dan 11 pasokan kumpulan Perempuan. Seramai 108 orang peserta Laki2 dan 66 orang peserta2 Perempuan telah mengambil bahagian.

Sekolah2 yang mengambil bahagian: Sekolah Melayu Dato Gandhi, Sekolah Melayu Lumapas, Sekolah Melayu NAR Manunggol, Sekolah Melayu Batu Marang, Sekolah Melayu Puduk, Sekolah Melayu Limau Manis, Sekolah Melayu Sungai Besar, Sekolah Melayu Masin, Sekolah Melayu Beribun, Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru, Sekolah Melayu Putat, Sekolah Melayu Pengkalat Batu dan Sekolah Melayu Kasat.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

Pasokan Kumpulan Laki2 "A" (Berpasokan) Johan: Pasokan Sekolah Melayu Dato Gandhi; Naib Johan; Pasokan Sekolah Melayu Lumapas; Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Menunggol.

Pasokan Kumpulan Laki2 "A" (Persa-orangan) Johan: Awang Md. Ali bin Md. Yassin, dari Sekolah Melayu Dato Gandhi; Kedua: Awang Lahat bin Md. Yassin, dari Sekolah Melayu Lumapas; Ketiga: Awang Suhai bin Metali, dari Sekolah Melayu Dato Gandhi.

Pasokan Kumpulan Laki2 "B" (Berpasokan) Johan: Pasokan Sekolah Melayu Lumapas; Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Dato Gandhi; Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Pulau Beribun.

Pasokan Kumpulan Laki2 "B" (Persa-orangan) Johan: Awang Tandang bin Gampar, dari Sekolah Melayu Pengkalat Batu; Kedua: Awang Rashid bin Mariam, dari Sekolah Melayu Pengkalat Batu; Ketiga: Awg. Puteh bin Serudin, dari Sekolah Melayu Lumapas.

Pasokan Kumpulan Perempuan (Berpasokan) Johan: Pasokan Sekolah Melayu Lumapas; Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Puduk; Ketiga: Pasok-

wakil Sekolah2 Rendah Melayu Bahagian Brunei III masuk ka-Perlawanan Peringkat negeri.

Hadiah2 kemenangan telah di-sampaikan oleh Awang Md. Taha bin Abd. Rahman Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III kepada pasokan2 yang berjaya.

PERLAWANAN SA-NEGERI DI-TANGGOHKAN

Perlawanan Peringkat Negeri antara perwakilan dari tiap2 Bahagian Brunei I, Brunei II, Brunei III, Temburong, Belait, Tutong I dan Tutong II telah di-atorkan perlumbaannya pada 18 Mach, 1967 berpusat di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei.

Tetapi perlawanan hari itu telah tidak dapat di-langsungkan di-sebabkan hujan turun dari pagi hingga tengah hari dengan lebat-nya di-Bandar Brunei. Oleh kerana sa-tengah2 kawasan lorong perlumbaan menjadi bah, maka Perlawanan Peringkat Negeri di-tunda pada satu tarikh yang akan di-tetapkan kemudian.

an Sekolah Melayu Pulau Beribun.

Pasokan Kumpulan Perempuan (Persa-orangan): Johan: Dayang Aminah bte. Puteh, dari Sekolah Melayu Lumapas; Kedua: Dayang Aishah bte. Haji Abd. Rahim, dari Sekolah Melayu Puduk; Ketiga: Dayang Masnah bte. Md. Tahir, dari Sekolah Melayu Lumapas.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

Keputusan2 perlawanan yang mendapat pangkat pertama dari tiap2 Kumpulan Berpasokan dan yang mendapat pangkat pertama, kedua dan ketiga tiap2 Kumpulan Perlumbaan Persa-orangan, akan menjadi

Pasokan Bola Sepak Sumbiling Melawan Belia Labuan

BANDAR BRUNEI — Pasokan Bola Sepak Belia Labuan mengandongi seramai 24 orang akan melawat ka-Negeri Brunei pada petang hari Juma'at 24 Mach, 1967 untuk mengadakan Perlawanan Bola Sepak Sa-chara Persahabatan dengan Pasokan Sumbiling.

Pada petang hari Sabtu 25 Mach, 1967 Pasokan Bola Sepak Belia Labuan itu akan bertemu dengan Pasokan Sumbiling "A" di-Padang Besar Bandar Brunei mulai jam 4-45 petang.

Bola Sepak Antara Orang2 Tua dengan Belia

SERIA. — Satu perlawanan Bola Sepak antara Pasokan Tua, ia-itu mengandongi pemain2 yang berumur 40 tahun ka-atas dan Pasokan Muda, ahli2 Shell Recreation Club akan di-adakan di-Padang SRC pada petang hari Ahad 26 Mach, 1967 sa-bagai satu daripada acara2 sambutan Hari Raya Haji kelab tersebut.

Pada hari Ahad 26 Mach, 1967 mulai jam 4-45 petang Pasokan Bola Sepak Belia Labuan itu akan bertemu dengan Pasokan Bola Sepak Sumbiling 'B' di-Padang Besar Bandar Brunei.

Para pelawat itu di-jadualkan balek ka-Labuan pada pagi hari Isnin 27 Mach, 1967.

Pemain2 Pasokan Sumbiling yang telah di-pilih untuk bertemu dengan Pasokan Bola Sepak Belia Labuan ada lah saperti berikut:

PASOKAN SUMBILING 'A': Awg. Hussin b. Pehin OKDG Dato Utama Awang Haji Mohd. Yusof, Zainal Md. Taha., Arifin Rahman, Yahya Abdi Manaf, Mohammad Salleh, Idris Hamid, Mohamad Chiku, Mohd. Noor Mohamad, Ali Abdi Manaf, Awangku Suhaimi Pgn. Hj. Abd. Rahman, N. Md. Tamin Abdullah dan Alias Mohammad.

PASOKAN SUMBILING 'B': Shar-bini Md. Taha, Majid Abdullah, Wahid Husain, Asahari Awg. Besar, Ahmad Kahar Ajamain Abdullah, Osman Razali, Zainal Sanif, Ak. Sallehuddin, Kiflee Abdul Latif A. Wahab dan Hamidon Mudim Haji Hassan.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI

Tempat—Dewan

Kemasharakatan

Tarikh—25 Mach, 1967.

BANDAR BRUNEI. — Per-tandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1967 akan di-langsungkan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada hari Sabtu 25 Mach, 1967 mulai jam 7-30 malam dan akan di-siarkan sa-chara langsung melalui udara mulai jam 8-15 malam.

Seramai 22 orang Penyanyi2 Lelaki dan Perempuan yang telah berjaya dalam Pertandingan Bintang Radio Peringkat Daerah2 Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Temasha tersebut akan di-mulai dengan satu acara yang istimewa, ia-itu PESTA RIA, untuk menghiborkan hati para penonton sekalian. Beberapa orang BINTANG2 RADIO tempatan akan memperdengarkan suara mereka yang lemak merdu di-temasha tersebut.

Sa-lain dari itu, di-antara-nya yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah Permainan Gambus Samalindang di-bawah pimpinan Awang Haji Mashud Awang Damit.

Tiket2 yang berharga \$2.00 \$1.50 dan \$1.00 ada-lah di-jual di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Bandar Brunei; Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Kuala Belait, serta oleh Pegawai Luar Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Awang Junaidi Sapar bagi Daerah Tutong dan oleh Awang Jumat di-Bilek Bachaan, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Bangar, Temburong.

Tiket2 tersebut boleh juga dibeli di-Dewan Kemasharakatan pada malam tersebut.

PEGAWAI2 BARU P.B.P.T.

SERIA. — Pegawai2 baru Per-satuan Bekas Perkhidmatan2 Tentera, Negeri Brunei yang telah di-lantek dalam Mashuarat Agong Persatuan itu baru2 ini ada-lah saperti berikut:

Presiden — Awang J. C. Maidment; Setiausaha — Awg. J. B. Simons; Bendahari — Awg. K. K. Nair.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Awg. A. W. R. Tulip, Awg. C. T. Miller dan Awg. Fouja Singh.

Gunakan-lah Bahasa Melayu



Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking me-

rasmikan Latehan Guru2 Pelatih Sekolah2 Melayu di-Maktab Perguruan Melayu Brunei pada petang hari Khamis 16 Mach, 1967.

Pengetua P.H.E. Ugama Mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Umat Islam

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, selaku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adzha kepada keseluruhan Umat Muslimin dan Muslimat khas-nya kepada ra'ayat Brunei 'am-nya.

Dalam ucapan tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berkata bahawa di-samping kita bersuka ria dan bergembira pada Hari Raya yang mulia itu, mari-lah kita bersama2 menyalurkan pandangan kita ka-perhimpunan agong Umat Islam seluruh dunia di-Tanah Suchi, Mekkah, untuk mengambil sa-banyak sedikit bahan2 menongan dari pengajaran yang kita dapat dari Rukun Islam yang ke-lima.

Sa-moga dengan demikian, kata beliau, akan ada faedah-nya dalam usaha2 kita membangun negara dalam segala bidang dan lapangan.

Selanjut-nya dalam ucapan tersebut, antara-nya beliau berkata: "Pada hari ini dan pada hari2 yang di-tentukan untuk amalan Haji, berhimpun-lah sa-genap Umat Islam dari seluruh dunia di-Tanah Suchi, Mekkah, Umat Islam terdiri dari berbagai2 negara. Mereka datang ka-Mekkah atas idealogi yang satu, tujuan yang satu dan berdiri di-atas dasar yang satu, sesuai dengan perinsep2 dan

pengajaran2 yang di-bawakan oleh Ugama Islam sa-bagai Ugama Internasional.

Kalau, pada kira2 dua bulan yang lalu kita merayakan Hari Raya Aidil Fitri sa-lepas kita menunaikan puasa di-bulan Ramadhan, tetapi pada hari ini kita sama2 pula merayakan satu lagi Hari Raya bersempena dengan selesai-nya umat Islam menunaikan rukun2 Haji yang besar, ia-itu salah satu rukun Islam yang lima, di-mana kita umat Islam seluruh-nya turut sama2 menampakkan kegembiraan kita sa-bagai memperkuatkan lagi perhubungan muhibbah antara kita sekalian.

Di-pagi Raya ini kita umat Islam di-Brunei tidak lupa turut merayakan Hari Raya Aidil Adzha ini bersama2 ratusan juta umat Islam dari seluruh dunia yang sama2 menumpukan ingatan dan perhatian ka-Tanah Suchi, Mekkah, di-mana terdapat Baitullah yang menjadi kiblat dan pusat tumpuan Umat Islam dari seluruh dunia.

Tohan telah mewajibkan kepada Umat Islam naik Haji ka-Mekkah yang bukan sahaja merupakan kewajipan2 persorangan, tetapi juga mempunyai hubungan dengan kepentingan umat Islam Internasional.

Sebab naik Haji ada-lah merupakan perhimpunan agong, di-mana Umat Islam bukan sahaja dapat berkenal2an dan menghubungkan perasaan muhibbah antara sa-sama jema'ah Haji tetapi juga di-sana umat Islam dapat membincangkan problem2 Umat Islam di-negara masing2 yang kemudian-nya dapat pula menchari jalan untuk penyelesaian bersama dengan berpandukan perasaan muhibbah, di-bawah lindungan Ka'abah yang menjadi lambang perpaduan Umat Islam.

Di-pagi Hari Raya ini Umat Islam di-mana sahaja mereka

berada tidak lupa menunaikan surohan Allah untuk menyembelih korban sa-bagai tanda pengorbanan terhadap Allah dan lambang ka-patohan umat manusia kepada tohan-nya.

Di-hari baik bulan baik ini mari-lah kita bersama2 memba-harui keazaman kita dalam semangat ka-Islaman dan semangat ingin berusaha bagi faedah diri dan keluarga kita, bagi faedah masyarakat dan negeri kita di-bawah pimpinan Maulana Al-Sultan yang kita kasehi. Mari-lah kita berdo'a semoga Allah melanjutkan usia Baginda dan keluarga di-Raja, dan mudah2an kita ra'ayat sekalian akan mendapat kema'amoran dan kebahagiaan di-dalam suasana aman dan kesejahteraan."

Sambutan Hari Raya Aidil Adzha

BANDAR BRUNEI. — Umat Islam dari seluruh Negeri Brunei akan menyambut Hari Raya Aidil Adzha pada hari ini. Demikian menurut satu Siaran Akhbar yang di-eluarkan oleh Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei. Sembahyang Hari Raya Aidil Adzha bagi Masjid2 di-seluruh Negeri Brunei akan di-mulai pada jam 7-30 pagi.

Sementara itu bagi mengambal sempena Hari Raya Aidil Adzha, Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei

akan mengadakan satu Sambutan Khas pada hari Juma'at 31 Mach, 1967 mulai jam 7-30 malam bertempat di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

Antara achara2 sambutan tersebut ia-lah Peraduan Bang (Azan) dan pemantasan sa-buah Tablo yang berjudul "Naik Haji", ia-itu hasil gubahan Ustadz Abdul Jalil Haji Noor, Pengarang Majallah Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

Orang ramai ada-lah di-jemput hadir ka-temasha sambutan tersebut.